



Headline: Pesara guru diperdaya kerugian RM133,000  
Publication/Portal: Harian Metro  
Date: 2 June 2021

Language: Malay  
Section: Lokal  
Page: 21

# Pesara guru diperdaya kerugian RM133,000

**Alor Setar:** Seorang pesara guru kerugian lebih RM133,000 akibat terpedaya dengan sindiket Macau Scam selepas menerima panggilan telefon daripada individu menyamar sebagai kakitangan syarikat telekomunikasi.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Kedah, Superintendan Elias Omar

berkata, wanita berusia 53 tahun dari Jalan Kuala Kedah di sini, mendakwa menerima panggilan telefon daripada seorang wanita pada 20 Mei lalu.

Menurutnya, mangsa dimaklumkan oleh wanita terbabit telefon yang dilangganya akan ditamatkan kerana didakwa terbabit dengan aktiviti judi dalam talian.